



## MAKLUMBALAS ADUAN MELALUI UTUSAN MALAYSIA

Aduan daripada TERANIAYA, Penang yang disiarkan di dalam akhbar Utusan Malaysia pada 2 September 2014 adalah dirujuk.

Terlebih dahulu, PTPTN mengucapkan terima kasih di atas komitmen peminjam kerana telah melaksanakan bayaran balik pembiayaan PTPTN secara konsisten.

Untuk makluman, diskaun 10% diberikan apabila peminjam menyelesaikan bayaran balik dua belas (12) bulan secara berturut-turut atau dua belas (12) bulan ke hadapan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan. Pelarasan ke atas akaun pembiayaan PTPTN akan dibuat pada bulan ke tiga belas (13), sekiranya masih terdapat baki hutang pada bulan berkenaan.

Bagi membolehkan semakan terperinci dilakukan terhadap akaun peminjam, PTPTN memohon kerjasama peminjam untuk menghubungi Jabatan Perhubungan Awam dan Media PTPTN di talian **03-2098 3712/ 5118/ 5004** bagi mengemukakan maklumat yang terperinci supaya tindakan lanjut dapat diambil terhadap aduan ini dengan segera. Segala kerjasama yang diberikan oleh peminjam amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Rina Abd Rahman  
Pegawai Perhubungan Awam  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional